


Mungkin sukar untuk dipercayai tanpa bukti kukuh, tetapi hakikatnya pada ketika ini kaum lelaki sedang dilanda konflik yang sedikit payah untuk diuraikan. Di mana-mana saja, di serata negara dan di setiap pelosok benua, ahli akademik dan pemikir futuris meramalkan yang dunia bakal melalui suatu era masa hadapan di mana lelaki akan menjadi sedikit lapuk, mungkin kurang berguna dan menuju perlahan-lahan ke arah kepupusan. Namun begitu, kepupusan yang dimaksudkan ini bukan dari segi fizikal seperti pupusnya dinosaur yang pernah berkuasa jutaan tahun dahulu, tetapi dari aspek guna tenaga dan juga peranan sosial yang dimainkan oleh kelompok lelaki. Kepupusan atau ketandusan lelaki yang boleh memainkan peranan sebagai lelaki pasti akan mendatangkan pelbagai dilema, konflik dan masalah kepada umat manusia.

Bayangkan apa yang akan anda lakukan kepada suatu barang lama yang rosak atau alatan yang sudah tidak berguna? Tentunya ia akan dibuang atau dibakar, mungkin juga diberi kepada orang lain yang mungkin juga akan bertindak membuang atau membakar 'pemberian' anda itu. Apa pula yang harus kita lakukan terhadap segelintir kaum lelaki yang sudah terlihat kurang berguna dari sudut praktikal dan perspektif sosial kerana pelbagai sebab negatif yang tidak perlu saya huraikan dengan lebih lanjut?

Jawapan kepada soalan ini tentu akan membawa dilema, konflik dan masalah kepada yang bertanya dan yang menjawab, terutama sekali jika yang bertanya dan menjawab itu seorang lelaki. Sayangnya, realiti tetap menghala ke suatu arah yang bertentangan dengan keyakinan diri dan keteguhan peribadi kaum lelaki. Arena sosial dan juga bidang kerjaya yang dipelopori lelaki, mungkin akan menguncup dengan

perlahan kerana ada segelintir lelaki yang kini tidak boleh lagi bergelar lelaki dalam erti kata sebenarnya, seperti yang tertera dibawah.



K E P U P U S A N L E L A K I ?

Dilema lelaki dalam sfera ekonomi



Era sains dan teknologi tinggi membawa perubahan bukan hanya dalam kualiti kehidupan kita sehari-hari, malah ia juga mengubah cara kita menjalani hidup seharian sebagai satu spesies yang sama. Fokus ekonomi global pada hari ini lebih menjurus ke arah industri pembuatan halus (seperti pembuatan alatan komputer), perhotelan dan juga industri perkhidmatan yang membolehkan lebih banyak peluang pekerjaan dibuka terutama kepada kaum wanita yang sebelum ini termasuk dalam kumpulan pekerja periferi atau pekerja sambilan saja.

Lantaran itu, ada golongan lelaki menghadapi kesukaran mencari pekerjaan misalnya sebagai pekerja am. Ini kerana ramai kaum wanita didapati lebih bersedia menerima kontrak jangka pendek dan tidak terlalu banyak kerenah

apabila terpaksa bekerja lebih masa. Wanita juga dipercayai mampu bersaing dalam suasana ekonomi kontemporari kerana mereka mempunyai daya produktiviti yang tinggi dan kemahiran mereka seperti dalam industri pembuatan mikro seperti teknologi cip elektronik, telah lama terbukti.

Dalam industri perhotelan dan pelancongan pula, wanita mempunyai nilai tambah berbanding lelaki kerana mereka dilihat memiliki kesabaran dan kemampuan untuk melayan kerenah klien atau pelanggan yang ramai dan datang dari latar belakang yang berbeza. Nilai tambah ini juga bererti bahawa tenaga wanita diperlukan untuk menjana industri perkhidmatan yang memerlukan pekerja dengan etika dan kemahiran sosial yang tinggi. Kemahiran sosial sudah lama dikaitkan sebagai lambang keperibadian wanita berbanding kaum lelaki.

Akibat daripada iklim ekonomi global, di beberapa negara Barat imej lelaki sebagai ketua dan pelindung keluarga yang bertanggungjawab mencari rezeki agak terjejas dan semakin pudar. Walaupun negara Barat semakin maju semakin ramai pula lelaki berkahwin kini 'ditinggalkan' di rumah ketika isteri mereka keluar bekerja demi menyara keluarga dan mencari rezeki. Yang menjadi persoalan kritikal pada ketika ini adalah, adakah keadaan ini akan menular ke negara membangun pula pada masa hadapan atau apabila sesebuah negara membangun berubah menjadi negara maju seperti senario negara tercinta kita ini?

Konflik lelaki dalam bidang pendidikan



Pelajar lelaki pada peringkat umur remaja dikhuatiri semakin ramai yang agak ketinggalan dalam bidang pendidikan, contohnya di United Kingdom. Kajian dalam bidang sosiologi pendidikan mendapati bahawa segelintir

pelajar lelaki tegar tidak lagi mempunyai daya saing yang tinggi dalam pelajaran dan lantaran itu mereka lebih suka mencari pekerjaan dengan cepat apabila tamat sekolah menengah dari menyambung pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Konflik dalaman kaum lelaki yang hilang motivasi belajar ini juga menjadi topik diskusi hangat di arena pendidikan global dan semakin mendapat perhatian ahli masyarakat di negara kita. Ada pakar pendidikan yang mengesyorkan tindakan drastik diambil supaya pelajar lelaki ditempatkan di sekolah yang berasingan daripada pelajar perempuan agar mereka lebih mampu bersaing dan tidak cepat mengalah kepada pelajar perempuan yang dilihat sebagai lebih bermotivasi dan berwawasan untuk berjaya dalam pendidikan.

Di negara kita sendiri, sering disebut oleh penyelidik pakar dan ahli politik bahawa jumlah siswazah lelaki agak kurang jika dibandingkan dengan siswi di institusi pengajian tinggi negara. Oleh sebab ini, mungkin suatu hari nanti perlu diwujudkan sistem kuota untuk membolehkan kaum lelaki mengurangkan persaingan dengan wanita untuk mendapat tempat di kolej atau universiti awam. Jika tidak, bayangkan kita mungkin melihat wujudnya strata sosial yang baru di mana kaum lelaki akan berada di lapisan bawah jika dibandingkan dengan kaum wanita lebih-lebih lagi jika kelayakan akademik digunakan sebagai kayu pengukur.

Walaupun agenda kumpulan feminis Barat akan tercapai apabila perkara ini menjadi realiti, persoalannya apakah yang telah terjadi hingga segelintir kaum lelaki muda seakan-akan hilang naluri mereka untuk bersaing secara positif dan melakukan yang terbaik? Mungkin ada lelaki zaman moden yang semakin kabur arah tuju dan semakin patah cita-cita jika dibandingkan dengan kaum wanita yang nampaknya

semakin agresif dan semakin bijak mengorak langkah demi masa hadapan yang cemerlang dan gemilang?

Masalah lelaki dalam dimensi sosial



Mungkin tidak terlalu ekstrem jika saya katakan semakin lama diperhatikan, semakin ketara bahawa lelaki hari ini terpaksa menghadapi realiti sukar dibandingkan zaman sebelum ini. Di dalam dunia pasca moden, ada lelaki yang tidak lagi dapat memenuhi tugas dan tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan sebagai sumber untuk mencari rezeki buat keluarga walaupun hal ini masih lagi belum menular di negara kita.

Kuasa membeli di tangan lelaki juga semakin tercabar kerana kini kaum wanita sudah ramai menjawat jawatan tinggi di dalam organisasi kerajaan mahupun swasta. Malah, kemampuan wanita sudah terbukti sebagai usahawan yang berdaya maju serta berpandangan jauh melepasi tembok gender. Usahawan wanita Malaysia contohnya, ramai yang mampu menempa nama di pasaran dagang antarabangsa setanding dengan kaum lelaki. Kejayaan ini baik untuk wanita dan untuk membina negara kita, tetapi lelaki moden juga tidak boleh ketinggalan dalam arus sosial perdana yang sedang melanda.

Hari demi hari, walaupun keganjilan sosial ini belum ketara dan masih agak terkawal di negara membangun berbanding negara maju di sebelah Barat dunia, di negara kita pula ada sekelompok lelaki yang hanya meramaikan pusat serenti dan pusat tahanan sementara, kerana terkena bahana dadah atau terlibat dalam perbuatan salah laku serta jenayah berat. Mungkin sukar untuk kita menerima hakikat sosial ini, tetapi jika dibandingkan dengan 25 atau 50 tahun lalu di mana lelaki masih lagi mempunyai tempat istimewa dalam

hierarki sosial masyarakat, hari ini kedudukan lelaki sudah semakin tercabar dan ego lelaki juga semakin tercalar.

Oleh itu, sebagai lelaki kita semua perlu mengambil tindakan drastik, menganjukkan paradigma serta berevolusi dan cepat berubah sejajar dengan masa, situasi dan juga kemajuan dunia. Lelaki perlu kembali belajar menjadi lelaki, tetapi tanpa sikap dan tabiat buruk yang selalu dikaitkan masyarakat dengan lelaki stereotaip. Kita berada jauh dari situasi radikal di mana dunia ini mungkin ditadbir oleh kaum wanita sepenuhnya (walaupun ia sebenarnya suatu idea yang agak menguja apabila lelaki menjadi hamba wanita dalam segala hal). Saya juga yakin dunia ini tidak akan ditadbir sepenuhnya oleh gorila, kera atau monyet yang boleh bercakap seperti digambarkan oleh filem Hollywood suatu masa dulu.

Namun begitu, kaum lelaki perlu melihat dan menilik lebih jauh ke hadapan agar imej mereka (kita) sebagai pencari rezeki yang sentiasa berjiwa tenang, tidak banyak bercakap perkara yang merapu serta mampu berfikiran rasional apabila berdepan dengan kesukaran hidup, tidak akan pudar. Jika ada lelaki yang masih lagi berada di takuk lama dan tidak mahu bergerak ke hadapan dan berubah, memang tidak mustahil jika ada di antara kita yang bakal pupus dan mati, walaupun diri masih lagi terus bernyawa dan mampu berkata-kata dengan lancar. Yang pasti setiap detik akan diganti detik yang baru dan hari demi hari akan datang dan berlalu pergi tanpa kita sedari.

